

# Cuaca tidak menentu punca ikan mahal

UM 09/11/2023 mlh 33

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**  
**TENGGU YUSOFF**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Harga beberapa jenis ikan di beberapa lokasi di bandar raya ini meningkat antara RM3 sehingga RM5 sekilogram (kg) sejak awal minggu ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Cabang Tiga di sini mendapati harga ikan seperti selayang naik daripada RM6 kepada RM10 setiap kg manakala kembung daripada RM17 kepada RM20 setiap kg.

Seorang peniaga, Abdul Rahman Ali, 40, mendakwa pening-

katan itu disebabkan cuaca yang tidak menentu ekoran peralihan fasa monsun timur laut (MTL).

Beliau berkata, beberapa jenis ikan seperti ikan selar turut naik kepada RM20 berbanding RM16/kg minggu lalu selain ikan kerisi daripada RM13 kepada RM18/kg.

“Harga ikan kini menunjukkan trend naik disebabkan laut sudah mula bergelora akibat peralihan fasa MTL, walaupun nelayan masih turun ke laut, bekalan berkurang.

“Situasi itu mendorong kenaikan harga ikan sejak dua atau tiga hari lalu termasuk ikan cencaru (RM12/kg) dan pelaling

(RM15/kg) tetapi ikan tongkol masih rendah, RM10/kg.

“Dari segi sambutan pula agak dingin apabila hasil jualan merudum 50 peratus meskipun kualiti hasil laut di pasar basah merupakan yang terbaik dan segar,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan di Pasar Batu Enam dekat Kuala Nerus pula mendapati harga ikan naik 15 peratus antaranya ikan pelaling (RM16/kg), kembung (RM19/kg) dan selayang RM11/kg.

Seorang peniaga, Abdul Halim Mat, 47, berkata, harga ikan dijangka terus meningkat sepanjang bulan ini.



**ABDUL Rahman Ali** menyusun ikan segar yang dijual sambil menunggu pelanggan di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF